

Nota Keterangan untuk Laporan Kredit

Contoh Laporan Kredit:

RAHSIA		BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA		ID Pengguna : Irina ID Laporan : PUBLICREQ Tarikh : 16/11/2015																						
Nama Peminjam		Nombor ID 1		Nombor ID 2		Tarikh Lahir/Pendaftaran		Warganegara		Amaran																
ROHANI BINTI YUSOF		123456789900				17/10/1978		MY																		
Maklumat Kredit																										
(A)	(B)	(C)	(D)	(E)	(F)	(G)	(H)	(I)	(J)	(K)	(L)	(M)	(N)					(O)	(P)							
No	Tarikh Kelulusan	Status	Kapasiti	Pemberi Pinjaman	Kod Cawangan	Kemudahan	Nombor Akaun/Permohonan	Jumlah Baki Belum Jelas (RM)	Tarikh Jumlah Baki Dikemas kini	Jumlah Had (RM)	Jenis Cagaran	Terma Pembayaran Balik Prinsipal	Ansuran Tertunggak Sepanjang 12 Bulan yang Lalu					Status Undang-undang	Tarikh Status Dikemas Kini							
													2015					2014								
Kredit Belum Jelas (Q)													Nov	Okt	Sept	Ogos	Jul	Jun	Mei	Apr	Mac	Feb	Jan	Dis		
1	07/07/2008	Belum Jelas	Sendiri	ABBank	14003	Kad Kredit	45678911	3,000	31/10/2015	5,000	00	Bulanan	0	2	1	0	0	0	0	0	0	0				
2	01/01/2000	Kemudahan Kredit yang Dijadualkan Semula	Sendiri	ABBank	14003	Pinjaman Sewa Beli	12345678	8,500	31/10/2015	35,000	30	Bulanan	3	2	1	0	0	0	0	0	0	0	Perintah Jualan/Fail Saman	31/01/2011		
							Jumlah Kredit	11,500	Jumlah Had	40,000																
Akaun di Bawah Pemerhatian Khas (R)																										
3	18/10/2006		Sendiri	BCBank	21020	Kad Kredit	23456789																			
Permohonan Untuk Kredit (S)																										
4	13/11/2015	Dalam Pertimbangan	Sendiri	CDBank	12040		123454273			40,000																
Nota (T)																										
Nama Cawangan							Jenis Cagaran																			
ABBank 14003 : Jalan Dang Wangi							00 : Bersih 30 : Kenderaan																			

SEMUA MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN INI DIBERIKAN OLEH PIHAK KETIGA DAN TIDAK MEWAKILI SEBARANG PENDAPAT BANK NEGARA MALAYSIA TERHADAP KEBOLEHPERCAYAAN KREDIT SUBJEK INI. OLEH YANG DEMIKIAN, BANK NEGARA MALAYSIA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DARI SEGI KETEPATAN DAN KESEMPURNAAN MAKLUMAT YANG DILAPORKAN. MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN INI ADALAH SULIT DAN TIDAK HARUS DIDEPAHANKAN KEPADA PIHAK KETIGA.

- (A) Nombor turutan dalam Laporan Kredit.
- (B) Merujuk kepada:
- tarikh kelulusan bagi Kredit Belum Jelas, Akaun Di Bawah Pemerhatian Khas dan Permohonan Untuk Kredit yang telah diluluskan oleh institusi kewangan; atau
 - tarikh permohonan dibuat bagi Permohonan Untuk Kredit yang masih dalam pertimbangan institusi kewangan;
- (C) Status kredit; contoh:-
- Belum jelas: Semua kredit belum jelas yang diperoleh peminjam.
 - Kemudahan kredit yang dijadualkan semula: Jadual asal pembayaran balik kemudahan kredit telah dijadualkan semula.
 - Kemudahan kredit yang disusun semula oleh AKPK.
- (D) Kemudahan kredit yang diambil sama ada secara langsung oleh peminjam, secara pinjaman bersama, atau diperoleh melalui syarikat pemilikan tunggal yang peminjam merupakan pemilik syarikat tersebut.
- (E) Institusi kewangan yang memberikan kredit.
- (F) Merujuk kepada cawangan institusi kewangan tempat kemudahan kredit diperoleh.
- (G) Jenis kemudahan kredit seperti kad kredit, kad caj, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan lain-lain.
- (H) Nombor rujukan yang diberikan oleh institusi kewangan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam.
- (I) Merujuk kepada jumlah baki belum jelas kemudahan kredit.
- (J) Merujuk kepada tarikh terakhir jumlah belum jelas dilaporkan.
- (K) Jumlah pinjaman yang diluluskan oleh institusi kewangan.
- (L) Jenis cagaran atau sekuriti yang dicagarkan bagi kemudahan kredit.
- (M) Kekerapan pembayaran pinjaman bagi setiap kemudahan; iaitu bulanan atau mingguan.
- (N) Merujuk kepada rekod pembayaran kemudahan kredit; contoh: 0 (tiada tunggakan), 1 (1 bulan tunggakan), 2 (2 bulan tunggakan) dan sebagainya
- (O) Tindakan undang-undang yang diambil terhadap peminjam akibat kegagalan membayar balik pinjaman.
- (P) Merujuk kepada tarikh terkini status tindakan undang-undang.
- (Q) Kemudahan kredit belum jelas yang diambil oleh peminjam.
- (R) Kemudahan kredit yang di bawah penyeliaan rapi institusi kewangan.
- (S) Permohonan kredit yang diluluskan atau masih dalam pertimbangan, yang dipohon dalam tempoh 12 bulan yang lalu.
- (T) Mengandungi nama cawangan pemberi pinjaman seperti pada item F dan penerangan mengenai jenis cagaran pada item L.